

Baca petikan dan jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Persatuan Penduduk Taman Sentosa telah mengadakan aktiviti membersihkan kediaman penduduk pada 28 Jun 2022 yang lepas. Semua penduduk taman digalakkan menyertai aktiviti ini untuk saling mengenali antara satu sama lain. Aktiviti utama ialah mengumpulkan barang-barang terbang di sekitar rumah seperti kertas, besi dan plastik.

Penduduk berpeluang memenangi hadiah misteri bernilai RM1 000 jika berjaya mengumpulkan barang-barang terbang paling banyak dan berat. Barang-barang terbang itu mestilah diperoleh dari kawasan dalam dan sekitar rumah sahaja. Aktiviti seperti ini dapat menggalakkan penduduk menjaga kebersihan dan secara tidak langsung mengeratkan lagi hubungan antara jiran tetangga.

1) Bilakah aktiviti kebersihan kediaman itu diadakan?

2) Apakah objektif utama aktiviti itu diadakan?

3) Apakah tiga barang terbang utama yang perlu dikumpulkan?

4) Apakah syarat utama untuk memenangi hadiah misteri?

5) Pada pendapat kamu, bagaimanakah keadaan taman selepas aktiviti kebersihan itu?
